

07/03/2002

Rahsia wujudkan toleransi kaum

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menggariskan rahsia kejayaan Malaysia mewujudkan perpaduan dan toleransi kaum sehingga menjadi model untuk seluruh dunia.

Menyingkap kembali sejarah kaum dan kejayaan Malaysia, Perdana Menteri berkata, kaum yang asalnya datang dari negara di mana permusuhan tersebar luas juga mampu bekerjasama dan hidup aman di negara ini.

"Kemampuan kaum yang berlainan untuk hidup, bekerja dan bermain bersama di Malaysia menyumbang kepada kestabilan dan membawa kepada pembangunan pesat, menjadikan Malaysia negara paling membangun di kalangan negara-negara membangun.

"Ini akan membolehkan kita mencapai Wawasan 2020, wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020," katanya dalam ucapan utama bertajuk 'Merealisasikan Wawasan 2020, Di Mana Kita Sekarang' sempena perasmian syarahan bersiri Dewan Profesional Muda Malaysia (Promuda) di Hotel Mandarin Oriental di sini, malam ini.

Beliau berkata, lapan tahun pertama usaha ke arah Wawasan 2020 amat menggalakkan dengan pencapaian ekonomi lapan peratus setahun.

"Apa yang perlu kita lakukan sekarang ialah untuk terus mencatat pertumbuhan tujuh peratus setahun dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kita akan meningkat kira-kira lapan kali ganda, menyamai pencapaian KDNK negara maju," katanya.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, pada 1997, kegawatan telah melanda dan menjejaskan pasaran saham dan walau pun dapat diatasi pada 2000, malangnya serangan 11 September di Amerika sekali lagi menjejaskan usaha itu.

"Kita ada 18 tahun lagi. Wawasan 2020 tidak dapat dicapai jika hanya sebahagian masyarakat atau negara mencapai status maju. Oleh itu, rakyat yang akan mewarisi negara ini, iaitu golongan muda, perlu menyedari dan menghargai tanggungjawab serta peranan mereka ke arahnya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, di sebalik usaha kerajaan untuk mengurangkan politik perkauman dengan menggabungkan parti berasaskan kaum, golongan bersifat perkauman telah mencacatkan usaha ke arah integrasi.

"Ada juga desakan untuk mewujudkan negara Islam, walau pun hakikatnya Malaysia adalah negara Islam, memandangkan Islam adalah agama rasmi, ketua setiap negeri adalah Islam dan umat Islam boleh mengamalkan kepercayaan mereka tanpa halangan.

"Malah mereka (umat Islam) sentiasa dibantu kerajaan dengan pelbagai cara. Namun negara Islam membenarkan mereka yang menganut agama lain dan Perlembagaan Malaysia mempertahankan hak bukan Islam untuk menganuti agama mereka," katanya.

Beliau berkata, memandangkan perkara itu sudah dipersetujui oleh pemimpin semua kaum dan agama ketika kemerdekaan, tidak ada sesiapa pun harus mempersoalkan lagi status kaum atau agama, bahasa serta budaya di negara ini.

Katanya, ada pihak yang mendakwa Malaysia bukan negara Islam dan mereka mahu menjadikan negara ini negara Islam mengikut acuan mereka sendiri serta sanggup melakukan apa juga cara untuk mencapai hasrat mereka termasuk cubaan untuk merampas kuasa dengan senjata iaitu menerusi Al Maunah dan kumpulan militan.

"Ketika merdeka, pendapatan perkapita kurang daripada AS\$300 dan jumlah penduduk hanya lima juta, sementara ekonomi negara hanya bergantung kepada getah dan biji timah, manakala kemudahan jalan raya, bekalan air dan

elektrik pula hanya ada di bandar besar.

"Hari ini, pendapatan perkapita 10 kali lebih tinggi iaitu hampir AS\$4,000, jumlah penduduk 24 juta dan peluang pekerjaan kian meningkat. Kebanyakan lebuh raya juga enam lorong, bekalan air dan elektrik dibekalkan ke semua bandar dan 90 peratus kawasan luar bandar," katanya.

Dr Mahathir berkata, Kuala Lumpur sudah menjadi bandar raya metropolitan, dengan jumlah penduduk meningkat daripada 300,000 kepada 2 juta.

"Masa depan di tangan golongan muda. Mereka mesti sabar, bersikap lebih pragmatik dan sedia mempelajari kesalahan serta kejayaan pada masa lalu bagi memastikan kesalahan sama tidak diulangi," katanya.

Beliau berkata, selepas Perang Dunia Kedua dengan kekalahan Jepun, masyarakat Melayu bersikap pemilikan Melayu terhadap negeri Melayu, masyarakat Cina pula mahu mendominasi republik komunis, sementara kaum India memperjuangkan kemerdekaan kaum itu.

Katanya, satu-satunya persamaan antara komunis Cina dan Umno ialah penentangan untuk meneruskan pemerintahan penjajah dan tidak ada perbincangan mengenai perpaduan kaum, sebaliknya masing-masing berjuang mengikut haluan mereka.

Katanya, Umno berjaya menjamin pembubaran Malayan Union tetapi komunis Cina kurang berjaya dan untuk mengimbangi perpaduan Melayu, golongan Cina bukan komunis ketika itu dan kaum India, menubuhkan parti politik masing-masing.

"Tiga parti politik berasaskan kaum ini tidak membincangkan masa depan negara ketika itu dan Persekutuan Malaya yang menggantikan Malayan Union disifatkan oleh golongan bukan Melayu sebagai langkah ke belakang.

"Keadaan ini menimbulkan konfrontasi antara kaum, yang boleh dieksploitasikan oleh British serta menangguhkan kemerdekaan.

"Hanya kenyataan pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock yang menyedarkan mereka supaya menghargai kerjasama antara mereka bagi mempercepatkan kemerdekaan," katanya.

Ini, kata beliau, adalah permulaan kepada keharmonian kaum di Malaysia dan pada hari ini negara ini telah mencapai kejayaan yang tidak tercapai oleh negara yang masyarakatnya juga pelbagai kaum.

(END)